

ANALISIS KAJIAN: KESALAHAN MORFOLOGI DAN SINTAKSIS

6.1 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan kesalahan morfologi dan sintaksis mengikut jenis-jenisnya¹. Kedua-dua kesalahan tersebut akan dikaitkan dengan beberapa faktor latar belakang responden. Latar belakang responden diperoleh daripada borang soal selidik yang telah dibincangkan dalam bab 5.

6.2 Kesalahan Morfologi Responden dan Kaitannya dengan Beberapa Faktor Latar Belakang Mereka

Antara aspek morfologi yang dikaji ialah kesalahan pilihan perkataan (M1), kesalahan imbuhan (M2), kesalahan penggunaan kata ganda (M3), kesalahan penggunaan kata sendi nama (M4), kesalahan penggunaan kata bilangan (M5), kesalahan penggunaan kata bantu (M6), kesalahan penggunaan kata penegas (M7), kesalahan penggunaan kata tanya (M8), kesalahan penggunaan kata hubung (M9), dan kesalahan penggunaan kata pemerhati (M10). Kesalahan morfologi dikaji berdasarkan sejumlah 400 orang responden yang terdiri daripada 239 orang pelajar lelaki dan 161 orang pelajar perempuan. Jumlah keseluruhan kesalahan morfologi ialah sebanyak 1130 atau 68.94 peratus daripada keseluruhan kesalahan bahasa pelajar.

¹ Jenis-jenis kesalahan morfologi dan sintaksis telah diuraikan dengan terperinci dalam bab 4.

6.2.1 Kesalahan Morfologi Mengikut Jantina

Latar belakang jantina responden dijadikan salah satu ciri dalam kajian ini.

Jadual 6.1 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi mengikut jantina.

Jadual 6.1: Kekerapan kesalahan morfologi mengikut jantina responden.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>Lelaki (n=239) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Perempuan (n=161) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Jumlah (n=400) Kekerapan</i>	<i>%</i>
M1	174	15.40	159	14.07	333	29.47
M2	194	17.17	141	12.48	335	29.65
M3	27	2.39	33	2.92	60	5.31
M4	149	13.19	107	9.47	256	22.65
M5	6	0.53	3	0.27	9	0.80
M6	11	0.97	10	0.88	21	1.86
M7	6	0.53	7	0.62	13	1.15
M8	9	0.80	8	0.71	17	1.50
M9	35	3.10	31	2.74	66	5.84
M10	12	1.06	8	0.71	20	1.77
Jumlah	623	55.13	507	44.87	1130	100.00

- M1 = Kesalahan Pilihan Perkataan
- M2 = Kesalahan Imbuhan
- M3 = Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda
- M4 = Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama
- M5 = Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan
- M6 = Kesalahan Penggunaan Kata Bantu
- M7 = Kesalahan Penggunaan Kata Penegas
- M8 = Kesalahan Penggunaan Kata Tanya
- M9 = Kesalahan Penggunaan Kata Hubung
- M10 = Kesalahan Penggunaan Kata Pemeri

Jadual 6.1 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi responden mengikut jantina. Secara keseluruhan kedua-dua jantina melakukan sebanyak 1130 kesalahan morfologi.

Didapati bahawa pelajar lelaki melakukan lebih banyak kesalahan dalam aspek morfologi, iaitu sebanyak 623 (55.13 peratus), manakala pelajar perempuan pula melakukan sebanyak 507 (44.87 peratus) kesalahan. Namun perbezaan ini tidak begitu signifikan.

Pelajar lelaki melakukan bilangan kesalahan yang lebih banyak dalam lapan aspek morfologi, iaitu M1 (15.40 peratus), M2 (17.17 peratus), M4 (13.19 peratus), M5 (0.53 peratus), M6 (0.97 peratus), M8 (0.80 peratus), M9 (3.10 peratus), dan M10 (1.06 peratus). Bilangan kesalahan yang lebih rendah bagi aspek yang sama dilakukan oleh pelajar perempuan, iaitu M1 (14.07 peratus), M2 (12.48 peratus), M4 (9.47 peratus), M5 (0.27 peratus), M6 (0.88 peratus), M8 (0.71 peratus), M9 (2.74 peratus), dan M10 (0.71 peratus).

Pelajar perempuan melakukan lebih banyak kesalahan bagi dua aspek morfologi, iaitu M3 (2.92 peratus), dan M7 (0.62 peratus). Pelajar lelaki pula melakukan sebanyak 2.39 peratus kesalahan bagi M3 dan 0.53 peratus kesalahan bagi M7.

6.2.2 Kesalahan Morfologi Mengikut Status Sosioekonomi Keluarga

Status sosioekonomi keluarga responden didasarkan pendapatan bulanan keluarga mereka. Keluarga yang berpendapatan melebihi RM 3000.00 sebulan digolongkan dalam status sosioekonomi tinggi dan keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM 3000.00 sebulan pula digolongkan dalam status sosioekonomi rendah. Kekerapan kesalahan morfologi yang dilakukan oleh responden menurut status sosioekonomi keluarga ditunjukkan dalam Jadual 6.2

Jadual 6.2: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar menurut status sosioekonomi keluarga tinggi (SSEKT) dan sosioekonomi keluarga rendah (SSEKR).

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>SSEKT (n=323) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>SSEKR (n=77) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
M1	254	22.48	79	6.99	333	29.47
M2	266	23.53	69	6.11	335	29.65
M3	51	4.51	9	0.80	60	5.31
M4	210	18.58	46	18.58	256	22.65
M5	9	0.80	0	0.00	9	0.80
M6	17	1.50	4	0.35	21	1.86
M7	6	0.53	7	0.62	13	1.15
M8	15	1.33	2	0.18	17	1.50
M9	52	4.60	14	1.24	66	5.84
M10	18	1.59	2	0.18	20	1.77
Jumlah	898	79.47	232	20.53	1130	100.00

- M1* = *Kesalahan Pilihan Perkataan*
M2 = *Kesalahan Imbuhan*
M3 = *Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda*
M4 = *Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama*
M5 = *Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan*
M6 = *Kesalahan Penggunaan Kata Bantu*

M7	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Penegas</i>
M8	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Tanya</i>
M9	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Hubung</i>
M10	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Pemeri</i>

Jadual 6.2 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar menurut status sosioekonomi keluarga tinggi dan status sosioekonomi keluarga rendah. Pelajar daripada kedua-dua status sosioekonomi ini melakukan sebanyak 1130 kesalahan morfologi. Pelajar daripada status sosioekonomi keluarga tinggi nampaknya melakukan kesalahan yang lebih banyak, iaitu 898 (79.47 peratus), berbanding dengan pelajar daripada status sosioekonomi rendah yang hanya melakukan sebanyak 232 (20.53 peratus) kesalahan. Dalam kajian ini nampaknya tidak ada kaitan signifikan antara kelas sosioekonomi dengan pencapaian bahasa Melayu. Perkara ini akan disentuh dengan lebih mendalam dalam bab penutup.

Pelajar daripada status sosioekonomi keluarga tinggi melakukan kesalahan yang lebih tinggi dalam lapan aspek morfologi, iaitu M1 (22.48 peratus), M2 (23.53 peratus), M3 (4.51 peratus), M5 (0.80 peratus), M6 (1.50 peratus), M8 (1.33 peratus), M9 (4.60 peratus), dan M10 (1.59 peratus).

Pelajar daripada kedua-dua golongan ini melakukan jumlah kesalahan yang sama banyak, iaitu 18.58 peratus bagi aspek M4. Satu-satunya aspek morfologi yang jumlah kesalahannya lebih banyak dilakukan oleh pelajar daripada status sosioekonomi keluarga rendah ialah M7, iaitu sebanyak 0.62 peratus.

6.2.3 Kesalahan Morfologi Responden Mengikut Pencapaian Peperiksaan Bahasa Melayu

Pencapaian peperiksaan bahasa Melayu responden didasarkan Peperiksaan Pertengahan Tahun di sekolah. Didapati bahawa terdapat perbezaan yang ketara dalam bilangan kesalahan pelajar berdasarkan tahap pencapaian mereka. Jadual 6.3 menunjukkan perbezaan tersebut.

Jadual 6.3: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang (PPBMC), kepujian (PPBMK) dan lulus (PPBML) dalam peperiksaan bahasa Melayu.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>PPBMC (n=75)</i>		<i>PPBMK (n=178)</i>		<i>PPBML (n=136)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
M1	69	6.11	136	12.04	128	11.33	333	29.47
M2	44	3.89	132	11.68	159	14.07	335	29.65
M3	8	0.71	26	2.30	26	2.30	60	5.31
M4	35	3.10	110	9.73	111	9.82	256	22.65
M5	1	0.09	5	0.44	3	0.27	9	0.80
M6	3	0.27	10	0.88	8	0.71	21	1.86
M7	2	0.18	8	0.71	3	0.27	13	1.15
M8	5	0.44	5	0.44	7	0.62	17	1.50
M9	10	0.88	32	2.83	24	2.12	66	5.84
M10	5	0.44	7	0.62	8	0.71	20	1.77
Jumlah	182	16.11	471	41.68	477	42.21	1130	100.00

- M1 = Kesalahan Pilihan Perkataan
 M2 = Kesalahan Imbuan
 M3 = Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda
 M4 = Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama
 M5 = Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan
 M6 = Kesalahan Penggunaan Kata Bantu
 M7 = Kesalahan Penggunaan Kata Penegas
 M8 = Kesalahan Penggunaan Kata Tanya
 M9 = Kesalahan Penggunaan Kata Hubung
 M10 = Kesalahan Penggunaan Kata Pemeri

Jadual 6.3 memaparkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang, kepujian dan lulus dalam peperiksaan pertengahan tahun bahasa Melayu. Jumlah kesalahan morfologi yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar ini ialah sebanyak 1130.

Melalui jadual ini jelaslah bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga pencapaian tersebut. Keseluruhan jumlah kesalahan morfologi ialah sebanyak 1130. Daripada jumlah tersebut, pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang melakukan sebanyak 182 (16.11 peratus) kesalahan. Kesalahan pelajar yang mencapai pangkat kepujian ialah sebanyak 471 (41.68 peratus), iaitu lebih banyak bilangannya daripada mereka yang mencapai pangkat cemerlang, namun jumlahnya adalah kurang jika dibandingkan dengan mereka yang memperoleh pangkat lulus sahaja. Pelajar yang mencapai pangkat lulus melakukan sebanyak 477 atau 42.21 peratus kesalahan morfologi.

Secara terperinci, didapati pelajar yang memperoleh pangkat lulus melakukan kesalahan yang paling banyak bagi aspek M2 (14.07 peratus), M4 (9.82 peratus), M8 (0.62 peratus), dan M10 (0.71 peratus). Aspek kesalahan yang sama menampakkan bilangan kesalahan yang sederhana dilakukan oleh pelajar yang memperoleh pangkat kepujian, iaitu M2 (11.68 peratus), M4 (9.73 peratus), dan M10 (0.62 peratus). Pelajar yang mencapai tahap cemerlang melakukan kesalahan yang terendah bagi aspek-aspek ini, iaitu M2 (3.89 peratus), M4 (3.10 peratus), dan M10 (0.44 peratus). Pelajar dalam tahap cemerlang dan kepujian melakukan jumlah kesalahan yang sama bagi M8, iaitu masing-masing sebanyak 0.44 peratus.

Aspek kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar dalam tahap kepujian ialah M1 (12.04 peratus), M5 (0.44 peratus), M6 (0.88 peratus), M7 (0.71 peratus), dan M9 (2.83 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang mencapai pangkat lulus, iaitu M1 (11.33 peratus), M5 (0.27 peratus), M6 (0.71 peratus), M7 (0.27 peratus), dan M9 (2.12 peratus). Pelajar yang mencapai pangkat cemerlang melakukan kesalahan yang terendah bagi semua aspek tersebut, iaitu M1 (6.11 peratus), M5 (0.09 peratus), M6 (0.27 peratus), M7 (0.18 peratus), dan M9 (0.88 peratus).

Terdapat persamaan dalam jumlah kesalahan di kalangan pelajar yang mencapai tahap kepujian dan lulus, iaitu bagi aspek M3, masing-masing sebanyak 2.30 peratus. Walau bagaimanapun, pelajar daripada tahap cemerlang masih melakukan jumlah kesalahan terendah bagi aspek M3, iaitu sebanyak 0.71 peratus.

6.2.4 Kesalahan Morfologi Responden Mengikut Aliran Akademik

Pada umumnya, aspek aliran akademik boleh dijadikan kayu ukur dalam menentukan perbezaan dalam bilangan kesalahan bahasa pelajar. Ini kerana pelajar aliran sains biasanya dipilih di kalangan mereka yang memperoleh keputusan cemerlang dalam peperiksaan PMR. Jadual 6.4 menunjukkan prestasi bahasa Melayu dari segi kesalahan morfologi antara kedua-dua kumpulan ini.

Jadual 6.4: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar aliran sains dan aliran perdagangan.

Jenis kesalahan	Aliran Sains (n=183)		Aliran Perdagangan (n=217)		Jumlah	%
	Kekerapan	%	Kekerapan	%		
M1	179	15.84	154	13.63	333	29.47
M2	161	14.25	174	15.40	335	29.65
M3	30	2.65	30	2.65	60	5.31
M4	122	10.80	134	11.86	256	22.65
M5	5	0.44	4	0.35	9	0.80
M6	10	0.88	11	0.97	21	1.86
M7	5	0.44	8	0.71	13	1.15
M8	9	0.80	8	0.71	17	1.50
M9	27	2.39	39	3.45	66	5.84
M10	9	0.80	11	0.97	20	1.77
Jumlah	557	49.29	573	50.71	1130	100.00

- M1* = *Kesalahan Pilihan Perkataan*
M2 = *Kesalahan Imbuhan*
M3 = *Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda*
M4 = *Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama*
M5 = *Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan*
M6 = *Kesalahan Penggunaan Kata Bantu*
M7 = *Kesalahan Penggunaan Kata Penegas*
M8 = *Kesalahan Penggunaan Kata Tanya*
M9 = *Kesalahan Penggunaan Kata Hubung*
M10 = *Kesalahan Penggunaan Kata Pemeri*

Jadual 6.4 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar aliran sains dan aliran perdagangan. Secara keseluruhan tidak terdapat perbezaan yang terlalu besar antara kedua-dua kumpulan ini dari segi kesalahan morfologi. Pelajar aliran perdagangan melakukan sebanyak 573 (50.71 peratus) kesalahan morfologi,

manakala pelajar aliran sains melakukan sebanyak 557 atau 49.29 peratus kesalahan.

Secara bandingan, pelajar aliran perdagangan melakukan lebih banyak kesalahan dalam aspek-aspek M2 (15.40 peratus), M4 (11.86 peratus), M6 (0.97 peratus), M7 (0.71 peratus), M9 (3.45 peratus), dan M10 (0.97 peratus). Pelajar aliran sains melakukan kesalahan yang lebih rendah bagi aspek-aspek tersebut, iaitu M2 (14.25 peratus), M4 (10.80 peratus), M6 (0.88 peratus), M7 (0.44 peratus), M9 (2.39 peratus), dan M10 (0.80 peratus). Pelajar aliran sains pula lebih banyak melakukan kesalahan dalam aspek-aspek M1 (15.84 peratus), M5 (0.44 peratus), dan M8 (0.80 peratus). Pelajar aliran perdagangan melakukan kesalahan yang lebih rendah bagi aspek-aspek yang dinyatakan, iaitu M1 (13.63 peratus), M5 (0.35 peratus), dan M8 (0.71 peratus). Pelajar daripada kedua-dua aliran melakukan jumlah kesalahan yang sama bagi aspek M3 (2.65 peratus).

6.2.5 Kesalahan Morfologi Responden Mengikut Penggunaan Bahasa Melayu dengan Rakan di Sekolah

Kesalahan morfologi responden mengikut penggunaan bahasa Melayu dengan rakan di sekolah dibahagikan kepada tiga, iaitu mereka yang tidak pernah berbahasa Melayu dengan rakan di sekolah, mereka yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah dan mereka yang selalu berbuat demikian. Jadual 6.5 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar mengikut pembahagian yang berkenaan.

Jadual 6.5: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tidak pernah (TPBBMRS), kadang-kadang (KKBBMRS) dan selalu (SBBMRS) bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>TPBBMRS (n=176)</i>		<i>KKBBMRS (n=219)</i>		<i>SBBMRS (n=5)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
M1	155	13.72	175	15.49	3	0.27	333	29.47
M2	171	15.13	160	14.16	4	0.35	335	29.65
M3	37	3.27	23	2.04	0	0.00	60	5.31
M4	133	11.77	119	10.53	4	0.35	256	22.65
M5	4	0.35	5	0.44	0	0.00	9	0.80
M6	8	0.71	12	1.06	1	0.09	21	1.86
M7	4	0.35	9	0.80	0	0.00	13	1.15
M8	7	0.62	10	0.88	0	0.00	17	1.50
M9	21	1.86	43	3.81	2	0.18	66	5.84
M10	7	0.62	12	1.06	1	0.09	20	1.77
Jumlah	547	48.41	568	50.27	15	1.33	1130	100.00

- M1* = *Kesalahan Pilihan Perkataan*
M2 = *Kesalahan Imbuhan*
M3 = *Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda*
M4 = *Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama*
M5 = *Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan*
M6 = *Kesalahan Penggunaan Kata Bantu*
M7 = *Kesalahan Penggunaan Kata Penegas*
M8 = *Kesalahan Penggunaan Kata Tanya*
M9 = *Kesalahan Penggunaan Kata Hubung*
M10 = *Kesalahan Penggunaan Kata Pemerl*

Jadual 6.5 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu, kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dan selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah. Jumlah kesalahan morfologi yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar ini ialah sebanyak 1130.

Ternyata pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan kesalahan yang paling minimum, iaitu sebanyak 15 (1.33 peratus) sahaja. Pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan sebanyak 568 (50.27 peratus) kesalahan, manakala pelajar yang tidak pernah berbuat demikian melakukan sebanyak 547 (48.41 peratus) kesalahan. Pencapaian pelajar-pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan-rakan memang dijangkakan, tetapi tidak demikian dengan pencapaian pelajar-pelajar dalam dua kategori lagi.

Secara terperinci pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu melakukan paling banyak kesalahan dalam beberapa aspek morfologi termasuklah M1 (15.49 peratus), M5 (0.44 peratus), M6 (1.06 peratus), M7 (0.80 peratus), M8 (0.88 peratus), M9 (3.81 peratus), dan M10 (1.06 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah. Kesalahan pelajar ini bagi aspek yang sama ialah M1 (13.72 peratus), M5 (0.35 peratus), M6 (0.71 peratus), M7 (0.35 peratus), M8 (0.62 peratus), M9 (1.86 peratus), dan M10 (0.62 peratus). Bagi aspek-aspek yang sama, pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah sama ada melakukan kesalahan yang paling rendah ataupun tidak melakukan sebarang kesalahan morfologi. Jumlah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar kumpulan ini ialah M1 (0.27 peratus), M6 (0.09 peratus), M9 (0.18 peratus), dan M10 (0.09 peratus). Pelajar kumpulan ini tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek M5, M6, dan M7.

Pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan kesalahan morfologi yang paling banyak bagi aspek M2 (15.13 peratus), M3 (3.27 peratus), dan M4 (11.77 peratus). Pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan kesalahan yang lebih rendah bagi aspek-aspek tersebut, iaitu M2 (14.16 peratus), M3 (2.04 peratus), dan M4 (10.53 peratus). Pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah hanya melakukan 0.35 peratus kesalahan bagi M2, 0.35 peratus kesalahan bagi M4 dan tidak melakukan sebarang kesalahan bagi M3.

6.2.6 Kesalahan Morfologi Responden Mengikut Penggunaan Bahasa Melayu dengan Rakan di Luar Sekolah

Di samping rakan-rakan di sekolah, para pelajar juga berdamping dengan rakan-rakan di luar sekolah. Bahasa yang digunakan untuk berhubung dengan rakan-rakan di luar sekolah turut mempengaruhi penguasaan bahasa Melayu mereka. Jadual 6.6 menunjukkan kesalahan morfologi responden mengikut penggunaan bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah

Jadual 6.6: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tidak pernah (TPBBMLS), kadang-kadang (KKBMLS) dan selalu (SBBMLS) bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>TPBBMLS (n=123)</i>		<i>KKBMLS (n=266)</i>		<i>SBBMLS (n=11)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
M1	116	14.69	204	18.05	13	1.15	333	29.47
M2	112	9.91	212	18.76	11	0.97	335	29.65
M3	20	1.77	40	3.54	0	0.00	60	5.31
M4	97	8.58	154	13.63	5	0.44	256	22.65
M5	3	0.27	6	0.53	0	0.00	9	0.80
M6	8	0.71	11	0.97	2	0.18	21	1.86
M7	2	0.18	10	0.88	1	0.09	13	1.15
M8	4	0.35	13	1.15	0	0.00	17	1.50
M9	26	2.30	40	3.54	0	0.00	66	5.84
M10	4	0.35	16	1.42	0	0.00	20	1.77
Jumlah	392	34.69	706	62.48	32	2.83	1130	100.00

- M1* = *Kesalahan Pilihan Perkataan*
- M2* = *Kesalahan Imbuhan*
- M3* = *Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda*
- M4* = *Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama*
- M5* = *Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan*
- M6* = *Kesalahan Penggunaan Kata Bantu*
- M7* = *Kesalahan Penggunaan Kata Penegas*
- M8* = *Kesalahan Penggunaan Kata Tanya*
- M9* = *Kesalahan Penggunaan Kata Hubung*
- M10* = *Kesalahan Penggunaan Kata Pemerl*

Jadual 6.6 menunjukkan kesalahan morfologi pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu, kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dan selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah. Jumlah kesalahan morfologi yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar ini ialah sebanyak 1130.

Daripada jadual tersebut jelaslah bahawa pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah melakukan kesalahan yang paling kurang, iaitu sebanyak 32 atau 2.83 peratus sahaja. Keadaan ini sememangnya dijangkakan. Walau bagaimanapun, nampaknya pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah melakukan kesalahan morfologi yang paling tinggi, iaitu sebanyak 706 (62.48 peratus), manakala pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan sebanyak 392 (34.69 peratus) kesalahan. Di sini kelihatan seolah-olah bahasa perhubungan tidak mempengaruhi prestasi morfologi responden berkenaan.

Secara mendalam dapat dilihat bahawa pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah melakukan kesalahan yang paling banyak dalam semua aspek morfologi, iaitu M1 (18.05 peratus), M2 (18.76 peratus), M3 (3.54 peratus), M4 (13.63 peratus), M5 (0.53 peratus), M6 (0.97 peratus), M7 (0.88 peratus), M8 (1.15 peratus), M9 (3.54 peratus), dan M10 (1.42 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah, iaitu M1 (14.69 peratus), M2 (9.91 peratus), M3 (1.77 peratus), M4 (8.58 peratus), M5 (0.27 peratus), M6 (0.71 peratus), M7 (0.18 peratus), M8 (0.35 peratus), M9 (2.30 peratus) dan M10 (0.35 peratus).

Pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah melakukan kesalahan yang paling rendah ataupun tidak melakukan sebarang kesalahan. Jumlah kesalahan pelajar daripada kumpulan ini ialah M1 (1.15 peratus), M2 (0.97 peratus), M4 (0.44 peratus), M6 (0.18 peratus), dan M7

(0.09 peratus). Mereka tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek M3, M5, M8, M9, dan M10.

6.2.7 Kesalahan Morfologi Responden Mengikut Penggunaan Bahasa Melayu dengan Keluarga

Walaupun dalam kajian ini didapati bahawa hanya sebilangan kecil sahaja pelajar yang bertutur dalam bahasa Melayu dengan sesama pelajar, tetapi ternyata jumlah kesalahan morfologi mereka adalah sangat minimum. Gambaran yang lebih jelas tentang situasi ini dapat dilihat dalam jadual 6.7.

Jadual 6.7: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tidak pernah (TPBBMK), kadangkang (KBBMK) dan selalu (SBBMK) bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>TPBBMK (n=250) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>KBBMK (n=138) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>SBBMK (n=12) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
M1	241	21.33	86	7.61	6	0.53	333	29.47
M2	263	23.27	68	6.02	4	0.35	335	29.65
M3	42	3.72	14	1.24	4	0.35	60	5.31
M4	200	17.70	52	4.60	4	0.35	256	22.65
M5	4	0.35	5	0.44	0	0.00	9	0.80
M6	12	1.06	8	0.71	1	0.09	21	1.86
M7	8	0.71	5	0.44	0	0.00	13	1.15
M8	13	1.15	4	0.35	0	0.00	17	1.50
M9	43	3.81	21	1.86	2	0.18	66	5.84
M10	11	0.97	9	0.80	0	0.00	20	1.77
Jumlah	837	74.07	272	24.07	21	1.86	1130	100.00

- M1 = Kesalahan Pilihan Perkataan
- M2 = Kesalahan Imbuhan
- M3 = Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda
- M4 = Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama

<i>M5</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan</i>
<i>M6</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Bantu</i>
<i>M7</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Penegas</i>
<i>M8</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Tanya</i>
<i>M9</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Hubung</i>
<i>M10</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Pemeri</i>

Jadual 6.7 memaparkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu, kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dan selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga. Jumlah kesalahan morfologi yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan ini ialah sebanyak 1130.

Jadual ini jelas menunjukkan perbezaan yang signifikan dari segi jumlah kesalahan bagi ketiga-tiga kumpulan pelajar yang berkenaan. Pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga di rumah melakukan kesalahan yang paling banyak, iaitu sebanyak 837 (74.07 peratus). Pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan jumlah kesalahan yang sederhana, iaitu sebanyak 272 (24.07 peratus), manakala pelajar-pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan kesalahan yang paling rendah, iaitu hanya sebanyak 21 (1.86 peratus) sahaja.

Pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga di rumah melakukan kesalahan yang tertinggi hampir dalam semua aspek morfologi, iaitu M1 (21.33 peratus), M2 (23.27 peratus), M3 (3.72 peratus), M4 (17.70 peratus), M6 (1.06 peratus), M7 (0.71 peratus), M8 (1.15 peratus), M9 (3.81 peratus), dan M10 (0.97 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga, iaitu M1 (7.61 peratus), M2 (6.02

peratus). M3 (1.24 peratus), M4 (4.60 peratus), M6 (0.71 peratus), M7 (0.44 peratus), M8 (0.35 peratus), M9 (1.86 peratus), dan M10 (0.80 peratus). Bagi aspek M5, pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan lebih banyak kesalahan, iaitu 0.44 peratus berbanding pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga, yang hanya melakukan kesalahan sebanyak 0.35 peratus.

Pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga sama ada melakukan kesalahan yang terendah ataupun tidak melakukan sebarang kesalahan. Jumlah kesalahan bagi aspek morfologi yang dilakukan oleh kumpulan pelajar tersebut ialah M1 (0.53 peratus), M2 (0.35 peratus), M3 (0.35 peratus), M4 (0.35 peratus), M6 (0.09 peratus), dan M9 (0.18 peratus). Mereka tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek-aspek M5, M7, M8, dan M10.

6.2.8 Kesalahan Morfologi Responden Mengikut Minat Belajar Bahasa Melayu

Lazimnya pelajar yang meminati mata pelajaran Bahasa Melayu akan melakukan kesalahan yang sangat kurang bagi bahasa tersebut. Sebaliknya, pelajar yang tidak meminati mata pelajaran itu merakamkan jumlah kesalahan yang banyak. Ini terbukti melalui jadual 6.8.

Jadual 6.8: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang paling minat (PMBBM), minat (MBBM) dan tidak minat (TMBBM) belajar bahasa Melayu.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>PMBBM (n=16)</i>		<i>MBBM (n=247)</i>		<i>TMBBM (n=137)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
M1	9	0.80	191	16.90	133	11.77	333	29.47
M2	14	1.24	165	14.60	156	13.81	335	29.65
M3	1	0.09	31	2.74	28	2.48	60	5.31
M4	9	0.80	145	12.83	102	9.03	256	22.65
M5	2	0.18	5	0.44	2	0.18	9	0.80
M6	2	0.18	9	0.80	10	0.88	21	1.86
M7	1	0.09	0	0.00	12	1.06	13	1.15
M8	0	0.00	13	1.15	4	0.35	17	1.50
M9	1	0.09	38	3.36	27	2.39	66	5.84
M10	0	0.00	10	0.88	10	0.88	20	1.77
Jumlah	39	3.45	607	53.72	484	42.83	1130	100.00

- M1* = *Kesalahan Pilihan Perkataan*
M2 = *Kesalahan Imbuhan*
M3 = *Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda*
M4 = *Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama*
M5 = *Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan*
M6 = *Kesalahan Penggunaan Kata Bantu*
M7 = *Kesalahan Penggunaan Kata Penegas*
M8 = *Kesalahan Penggunaan Kata Tanya*
M9 = *Kesalahan Penggunaan Kata Hubung*
M10 = *Kesalahan Penggunaan Kata Pemerl*

Jadual 6.8 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang paling minat belajar bahasa Melayu, minat belajar bahasa Melayu dan tidak minat belajar bahasa Melayu. Jumlah kesalahan morfologi yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan ini ialah sebanyak 1130.

Dengan merujuk jadual ini, kita dapati bahawa pelajar yang paling minat belajar bahasa Melayu melakukan kesalahan morfologi yang terendah, iaitu sebanyak 39 atau 3.45 peratus. Mereka yang sekadar minat belajar bahasa Melayu melakukan sebanyak 607 (53.72 peratus) kesalahan, manakala mereka yang tidak minat belajar bahasa Melayu melakukan sebanyak 484 (42.83 peratus) kesalahan.

Aspek kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar yang tidak minat belajar bahasa Melayu ialah M6 (0.88 peratus), M7 (1.06 peratus) dan M10 (0.88 peratus). Pelajar yang minat belajar bahasa Melayu melakukan kesalahan sebanyak 0.80 peratus bagi M6 dan 0.88 peratus bagi M10, iaitu jumlah yang sama dengan pelajar yang tidak minat belajar bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, pelajar yang paling minat belajar bahasa Melayu melakukan kesalahan yang sederhana banyak bagi aspek M7, iaitu sebanyak 0.09 peratus.

Jumlah kesalahan yang paling banyak dilakukan oleh pelajar yang sekadar minat belajar bahasa Melayu ialah aspek M1 (16.90 peratus), M2 (14.60 peratus), M3 (2.74 peratus), M4 (12.83 peratus), M5 (0.44 peratus), M8 (1.15 peratus), dan M9 (3.36 peratus).

Ini diikuti oleh pelajar yang tidak minat belajar bahasa Melayu, iaitu M1 (11.77 peratus), M2 (13.81 peratus), M3 (2.48 peratus), M4 (9.03 peratus), M8 (0.35 peratus), dan M9 (2.39 peratus). Bagi aspek M5, jumlah kesalahan antara pelajar yang tidak minat belajar bahasa Melayu dan pelajar yang paling minat belajar bahasa Melayu adalah sama, iaitu masing-masing sebanyak 0.18 peratus.

Jumlah kesalahan yang terendah dalam kebanyakan aspek morfologi dilakukan oleh pelajar yang paling minat belajar bahasa Melayu, iaitu M1 (0.80 peratus), M2 (1.24 peratus), M3 (0.09 peratus), M4 (0.80 peratus), M6 (0.18 peratus), dan M9 (0.09 peratus). Pelajar daripada kumpulan ini tidak melakukan sebarang kesalahan bagi M8 dan M10.

6.2.9 Kesalahan Morfologi Responden Mengikut Minat Membaca dan Mendengar Puisi

Satu hakikat yang tidak dapat dinafikan ialah bahawa puisi dapat memainkan peranan penting dalam memantapkan penguasaan bahasa seseorang. Bukti bagi kenyataan ini jelas dapat dilihat melalui jadual 6.9.

Jadual 6.9: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang minat (MMMP) dan tidak minat (TMMMP) membaca dan mendengar puisi.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>MMMP (n=64) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>TMMMP (n=336) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
M1	72	6.31	261	23.10	333	29.47
M2	58	5.13	277	24.51	335	29.65
M3	9	0.80	51	4.51	60	5.31
M4	39	3.45	217	19.20	256	22.65
M5	0	0.00	9	0.80	9	0.80
M6	7	0.62	14	1.24	21	1.86
M7	3	0.27	10	0.88	13	1.15
M8	4	0.35	13	1.15	17	1.50
M9	9	0.80	57	5.04	66	5.84
M10	2	0.18	18	1.59	20	1.77
Jumlah	203	17.96	927	82.04	1130	100.00

<i>M1</i>	=	<i>Kesalahan Pilihan Perkataan</i>
<i>M2</i>	=	<i>Kesalahan Imbuhan</i>
<i>M3</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda</i>
<i>M4</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama</i>
<i>M5</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan</i>
<i>M6</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Bantu</i>
<i>M7</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Penegas</i>
<i>M8</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Tanya</i>
<i>M9</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Hubung</i>
<i>M10</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Pemer</i>

Jadual 6.9 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang minat membaca dan mendengar puisi dan tidak minat membaca dan mendengar puisi. Jumlah kesalahan morfologi yang dilakukan oleh kedua-dua kumpulan ini ialah sebanyak 1130.

Secara bandingan, pelajar yang minat membaca dan mendengar puisi melakukan kesalahan yang jauh lebih rendah, iaitu sebanyak 203 (17.96 peratus), manakala pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar puisi melakukan kesalahan yang sangat tinggi, iaitu sebanyak 927 (82.04 peratus).

Pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar puisi melakukan kesalahan yang lebih banyak dalam semua aspek morfologi, iaitu M1 (23.10 peratus), M2 (24.51 peratus), M3 (4.51 peratus), M4 (19.20 peratus), M5 (0.80 peratus), M6 (1.24 peratus), M7 (0.88 peratus), M8 (1.15 peratus), M9 (5.04 peratus) dan M10 (1.59 peratus). Pelajar yang minat membaca dan mendengar puisi melakukan kesalahan yang jauh lebih kurang, iaitu M1 (6.31 peratus), M2 (5.13 peratus), M3 (0.80 peratus), M4 (3.45 peratus), M6 (0.62 peratus), M7 (0.27 peratus), M8 (0.35 peratus), M9 (0.80 peratus) dan M10 (0.18 peratus).

Pelajar yang minat membaca dan mendengar puisi tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek M5.

6.2.10 Kesalahan Morfologi Responden Mengikut Kekerapan Meminjam Buku Berbahasa Melayu dari Perpustakaan Sekolah dalam Sebulan.

Buku-buku berbahasa Melayu perlulah kerap dibaca oleh pelajar yang ingin melihat peningkatan dalam penguasaan bahasa Melayu. Pelajar yang selalu membaca buku-buku berbahasa Melayu dapat menguasai bahasa tersebut dengan lebih cepat dan berkesan. Kenyataan ini bersesuaian dengan maklumat yang terdapat dalam jadual 6.10.

Jadual 6.10: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tidak pernah (TPMBP), kadang-kadang (KMBP) dan selalu (SMBP) meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah dalam sebulan

<i>Jenis Kesalahan</i>	<i>TPMBP (n=267)</i>		<i>KMBP (n=127)</i>		<i>SMBP (n=6)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
M1	213	18.85	118	10.44	2	0.18	333	29.46
M2	227	20.09	104	9.20	4	0.35	335	29.65
M3	41	3.63	18	1.59	1	0.89	60	5.31
M4	173	15.31	27	2.39	6	0.53	206	0.18
M5	5	0.44	4	0.35	0	0.00	9	0.80
M6	13	1.15	7	0.62	1	0.09	21	1.85
M7	6	0.53	7	0.62	0	0.00	13	1.15
M8	12	1.06	5	0.44	0	0.00	17	1.50
M9	46	4.07	20	1.77	0	0.00	66	5.84
M10	10	0.88	10	0.88	0	0.00	20	1.77
Jumlah	746	66.02	370	32.74	14	1.24	1130	100.00

<i>M1</i>	=	<i>Kesalahan Pilihan Perkataan</i>
<i>M2</i>	=	<i>Kesalahan Imbuhan</i>
<i>M3</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda</i>
<i>M4</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama</i>
<i>M5</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan</i>
<i>M6</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Bantu</i>
<i>M7</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Penegas</i>
<i>M8</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Tanya</i>
<i>M9</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Hubung</i>
<i>M10</i>	=	<i>Kesalahan Penggunaan Kata Pemeri</i>

Jadual 6.10 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tidak pernah meminjam buku berbahasa Melayu, kadang-kadang meminjam buku berbahasa Melayu dan selalu meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah dalam sebulan. Jumlah kesalahan morfologi yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar ini ialah sebanyak 1130.

Jadual tersebut secara tersirat menunjukkan betapa pentingnya membaca buku-buku berbahasa Melayu. Ini jelas terbukti melalui hakikat bahawa pelajar yang selalu meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah paling rendah melakukan kesalahan morfologi, iaitu hanya sebanyak 14 atau 1.24 peratus. Pelajar yang kadang-kadang meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan jumlah kesalahan yang agak sederhana, iaitu sebanyak 370 (32.74 peratus), manakala pelajar yang tidak pernah berbuat demikian paling tinggi melakukan kesalahan morfologi, iaitu sebanyak 746 atau 66.02 peratus.

Secara terperinci, kelihatan bahawa pelajar yang tidak pernah meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan paling banyak kesalahan dalam hampir semua aspek morfologi, iaitu M1 (18.85 peratus), M2 (20.09 peratus), M3 (3.63 peratus), M4 (15.31 peratus), M5 (0.44 peratus), M6

(1.15 peratus), M8 (1.06 peratus), dan M9 (4.07 peratus). Bagi aspek M7, pelajar yang kadang-kadang meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan kesalahan yang lebih banyak, iaitu 0.62 peratus, sedangkan pelajar daripada kumpulan yang tidak pernah meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan hanya 0.53 peratus kesalahan sahaja. Aspek M10 menampakkan bilangan kesalahan yang sama banyak bagi kedua-dua kumpulan tersebut, iaitu masing-masing sebanyak 0.88 peratus.

Pelajar yang selalu meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan kesalahan terendah atau langsung tidak melakukan kesalahan bagi aspek-aspek morfologi. Jumlah kesalahan tersebut ialah M1 (0.18 peratus), M2 (0.35 peratus), M3 (0.89 peratus), M4 (0.53 peratus), dan M6 (0.09 peratus). Pelajar daripada kumpulan ini tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek-aspek M5, M7, M8, M9, dan M10.

6.2.11 Kesalahan Morfologi Responden Mengikut Minat Membaca dan Mendengar Cerita

Ini merupakan satu lagi faktor latar belakang responden yang dapat dikaitkan tahap penguasaan bahasa mereka. Minat membaca dan mendengar cerita, secara langsung atau tidak langsung, dapat mempengaruhi penguasaan aspek morfologi pelajar. Hakikat ini dipaparkan dalam jadual 6.11.

Jadual 6.11: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang paling minat (PMMMC), minat (MMMC) dan tidak minat (TMMMC) membaca dan mendengar cerita.

<i>Jenis Kesalahan</i>	<i>PMMMC (n=10)</i>		<i>MMMC (n=195)</i>		<i>TMMMC (n=195)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
M1	11	0.97	150	13.27	172	15.22	333	29.47
M2	6	0.53	142	12.57	184	16.28	335	29.65
M3	1	0.09	30	2.65	29	2.57	60	5.31
M4	4	0.35	121	10.71	131	11.59	256	22.65
M5	1	0.09	4	0.35	4	0.35	9	0.80
M6	3	0.27	9	0.80	9	0.80	21	1.86
M7	1	0.09	9	0.80	3	0.27	13	1.15
M8	0	0.00	7	0.62	10	0.88	17	1.50
M9	0	0.00	33	2.92	33	2.92	66	5.84
M10	0	0.00	11	0.97	9	0.80	20	1.77
Jumlah	27	2.39	516	45.67	584	51.68	1130	100.00

- M1* = Kesalahan Pilihan Perkataan
M2 = Kesalahan Imbuhan
M3 = Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda
M4 = Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama
M5 = Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan
M6 = Kesalahan Penggunaan Kata Bantu
M7 = Kesalahan Penggunaan Kata Penegas
M8 = Kesalahan Penggunaan Kata Tanya
M9 = Kesalahan Penggunaan Kata Hubung
M10 = Kesalahan Penggunaan Kata Pemer

Jadual 6.11 memaparkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang paling minat membaca dan mendengar cerita, minat membaca dan mendengar cerita serta tidak minat membaca dan mendengar cerita. Jumlah kesalahan morfologi yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan ini ialah sebanyak 1130.

Jelaslah bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara ketiga-tiga kumpulan tersebut. Pelajar yang paling minat membaca dan mendengar cerita melakukan kesalahan morfologi yang paling rendah, iaitu sebanyak 27 (2.39 peratus) sahaja. Pelajar yang sekadar minat membaca dan mendengar cerita melakukan sebanyak 516 (45.67 peratus) kesalahan, manakala pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar cerita melakukan kesalahan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 584 atau 51.68 peratus.

Jika dilihat secara mendalam pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar cerita melakukan kesalahan yang paling tinggi dalam empat aspek morfologi, iaitu M1 (15.22 peratus), M2 (16.28 peratus), M4 (11.59 peratus), dan M8 (0.88 peratus). Pelajar yang minat membaca dan mendengar cerita melakukan kesalahan yang paling tinggi bagi tiga aspek morfologi, iaitu M3 (2.65 peratus), M7 (0.80 peratus), dan M10 (0.97 peratus). Kedua-dua kumpulan pelajar ini melakukan jumlah kesalahan yang sama banyak, iaitu aspek M5, masing-masing sebanyak 0.35 peratus, M6, masing-masing sebanyak 0.80 peratus, dan M9, masing-masing sebanyak 2.92 peratus.

Pelajar yang paling minat membaca dan mendengar cerita melakukan kesalahan morfologi yang terendah, iaitu M1 (0.97 peratus), M2 (0.53 peratus), M3 (0.09 peratus), M4 (0.35 peratus), M5 (0.09 peratus), M6 (0.27 peratus), dan M7 (0.09 peratus). Pelajar dari kumpulan ini tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek M8, M9, dan M10.

6.2.12 Kesalahan Morfologi Responden Berdasarkan Persekitaran Tempat Tinggal

Persekitaran tempat tinggal dijadikan satu kriteria dalam kajian ini. Tujuannya untuk melihat sejauh mana faktor persekitaran berperanan menentukan taraf penguasaan morfologi responden. Jadual 6.12 berikut memberi gambaran tentang kesalahan morfologi yang dilakukan.

Jadual 6.12: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua (KCS), majoriti kaum Cina (MKC) dan separuh kaum Cina, separuh kaum lain (SCSL).

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>KCS (n=92)</i>		<i>MKC (n=146)</i>		<i>SCSL (n=162)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
M1	73	6.46	93	8.23	167	14.78	333	29.47
M2	86	7.61	103	9.12	146	12.92	335	29.65
M3	18	1.59	18	1.59	24	2.12	60	5.31
M4	90	7.96	78	6.90	88	7.79	256	22.65
M5	2	0.18	4	0.35	3	0.27	9	0.80
M6	5	0.44	6	0.53	10	0.88	21	1.86
M7	1	0.09	3	0.27	9	0.80	13	1.15
M8	6	0.53	6	0.53	5	0.44	17	1.50
M9	25	2.21	20	1.77	21	1.86	66	5.84
M10	4	0.35	11	0.97	5	0.44	20	1.77
Jumlah	310	27.43	342	30.27	478	42.30	1130	100.00

- M1* = Kesalahan Pilihan Perkataan
M2 = Kesalahan Imbuhan
M3 = Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda
M4 = Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama
M5 = Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan
M6 = Kesalahan Penggunaan Kata Bantu
M7 = Kesalahan Penggunaan Kata Penegas
M8 = Kesalahan Penggunaan Kata Tanya
M9 = Kesalahan Penggunaan Kata Hubung
M10 = Kesalahan Penggunaan Kata Pemerl

Jadual 6.12 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua, majoriti kaum Cina dan separuh kaum Cina, separuh kaum lain. Jumlah kesalahan morfologi yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan ini ialah sebanyak 1130.

Pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina dan separuh kaum lain mencatat kekerapan kesalahan morfologi tertinggi, iaitu sebanyak 478 (42.30 peratus). Pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina melakukan bilangan kesalahan yang kedua tinggi, iaitu sebanyak 342 atau 30.27 peratus, manakala pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua melakukan jumlah kesalahan yang terendah, iaitu sebanyak 310 (27.43 peratus).

Pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua melakukan kesalahan yang paling tinggi dalam tiga aspek, iaitu M4 (7.96 peratus), M8 (0.53 peratus), dan M9 (2.21 peratus). Pelajar dari persekitaran majoriti kaum Cina melakukan jumlah kesalahan yang sama bagi aspek M8, iaitu sebanyak 0.53 peratus dan diikuti oleh pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina, separuh kaum lain, iaitu sebanyak 0.44 peratus. Jumlah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina dan separuh kaum lain juga adalah sederhana bagi aspek M4 dan M9, iaitu masing-masing sebanyak 7.79 peratus dan 1.86 peratus. Ini diikuti oleh pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina, iaitu M4 (6.90 peratus) dan M9 (1.77 peratus).

Pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina melakukan kesalahan terbanyak bagi dua aspek morfologi, iaitu M5 (0.35 peratus), dan M10

(0.97 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina dan separuh kaum lain, iaitu M5 (0.27 peratus) dan M10 (0.44 peratus). Jumlah kesalahan yang terendah bagi aspek yang sama dilakukan oleh pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua, iaitu M5 (0.18 peratus) dan M10 (0.35 peratus).

Jumlah kesalahan terbanyak bagi aspek-aspek lain dilakukan oleh pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina dan separuh kaum lain, iaitu M1 (14.78 peratus), M2 (12.92 peratus), M3 (2.12 peratus), M6 (0.88 peratus), dan M7 (0.80 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina, iaitu M1 (8.23 peratus), M2 (9.12 peratus), M6 (0.53 peratus), dan M7 (0.27 peratus). Jumlah kesalahan terendah aspek-aspek berkenaan dilakukan oleh pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua, iaitu M1 (6.46 peratus), M2 (7.61 peratus), M6 (0.44 peratus), dan M7 (0.09 peratus).

Aspek M3 menampakkan jumlah kesalahan yang sama banyak antara pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina dan pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua, iaitu masing-masing sebanyak 1.59 peratus.

6.2.13 Kesalahan Morfologi Responden Mengikut Kawasan Tempat Tinggal

Faktor kawasan tempat tinggal turut diambil kira dalam aspek penguasaan bahasa responden. Perhatikan jadual 6.13 berikut.

Jadual 6.13: Kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tinggal di kawasan bandar (TB), luar bandar (TLB) dan kampung baharu (TKB)

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>TB (n=250)</i>		<i>TLB (n=71)</i>		<i>TKB (n=79)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
M1	218	19.29	74	6.55	41	3.63	333	29.47
M2	208	18.41	73	6.46	54	4.78	335	29.65
M3	39	3.45	10	0.88	11	0.97	60	5.31
M4	154	13.63	53	4.69	49	4.37	256	22.65
M5	6	0.53	2	0.18	1	0.09	9	0.80
M6	12	1.06	5	0.44	4	0.35	21	1.86
M7	7	0.62	4	0.35	2	0.18	13	1.15
M8	14	1.24	1	0.09	2	0.18	17	1.50
M9	43	3.81	7	0.62	16	1.42	66	5.84
M10	12	1.06	3	0.27	5	0.44	20	1.77
Jumlah	713	63.10	232	20.53	185	16.37	1130	100.00

- M1* = *Kesalahan Pilihan Perkataan*
M2 = *Kesalahan Imbuhan*
M3 = *Kesalahan Penggunaan Bentuk Kata Ganda*
M4 = *Kesalahan Penggunaan Kata Sendi Nama*
M5 = *Kesalahan Penggunaan Kata Bilangan*
M6 = *Kesalahan Penggunaan Kata Bantu*
M7 = *Kesalahan Penggunaan Kata Penegas*
M8 = *Kesalahan Penggunaan Kata Tanya*
M9 = *Kesalahan Penggunaan Kata Hubung*
M10 = *Kesalahan Penggunaan Kata Pemer*

Jadual 6.13 menunjukkan kekerapan kesalahan morfologi pelajar yang tinggal di kawasan bandar, luar bandar dan kampung baharu. Jumlah kesalahan morfologi yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan ini ialah sebanyak 1130.

Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang tinggal di bandar melakukan jumlah kesalahan yang tertinggi, iaitu sebanyak 713 (63.10 peratus). Pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar melakukan jumlah kesalahan yang agak sederhana, iaitu sebanyak 232 (20.53 peratus), manakala pelajar yang tinggal di kampung baharu melakukan kesalahan yang paling rendah jumlahnya, iaitu sebanyak 185 (16.37 peratus).

Pelajar yang tinggal di bandar melakukan kesalahan terbanyak bagi kesemua aspek morfologi, iaitu M1 (19.29 peratus), M2 (18.41 peratus), M3 (3.45 peratus), M4 (13.63 peratus), M5 (0.53 peratus), M6 (1.06 peratus), M7 (0.62 peratus), M8 (1.24 peratus), M9 (3.81 peratus), dan M10 (1.06 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tinggal di luar bandar, iaitu M1 (6.55 peratus), M2 (6.46 peratus), M4 (4.69 peratus), M5 (0.18 peratus), M6 (0.44 peratus), M7 (0.35 peratus), dan M9 (0.62 peratus).

Pelajar yang tinggal di kawasan kampung baharu melakukan kesalahan yang terendah bagi aspek-aspek yang sama, iaitu M1 (3.63 peratus), M2 (4.78 peratus), M4 (4.37 peratus), M5 (0.09 peratus), M6 (0.35 peratus), M7 (0.18 peratus), dan M9 (1.42 peratus).

Aspek M3, M8, dan M10 menampakkan bahawa pelajar yang tinggal di kawasan kampung baharu melakukan kesalahan yang lebih banyak daripada pelajar yang tinggal di luar bandar. Jumlah kesalahan yang dilakukan oleh pelajar yang tinggal di kampung baharu ialah M3 (0.97 peratus), M8 (0.18 peratus), dan M10 (0.44 peratus), manakala pelajar yang tinggal di luar bandar hanya melakukan

kesalahan sebanyak 0.88 peratus bagi M3, 0.09 peratus bagi M8 dan 0.27 peratus bagi M10.

6.3 Kesalahan Sintaksis Responden dan Kaitannya dengan Beberapa Faktor Latar Belakang Mereka

Antara aspek sintaksis yang dikaji ialah kesalahan struktur ayat aktif (S1), kesalahan struktur ayat pasif (S2), kesalahan struktur ayat terjemahan bahasa Inggeris (S3), kesalahan struktur ayat majmuk gabungan (S4), kesalahan struktur ayat majmuk pancangan (S5), dan kesalahan struktur ayat majmuk campuran (S6). Kesalahan sintaksis yang dikaji berdasarkan sejumlah 400 orang responden yang terdiri daripada 239 orang pelajar lelaki dan 161 orang pelajar perempuan. Jumlah keseluruhan kesalahan sintaksis ialah sebanyak 352 atau 21.48 peratus daripada keseluruhan kesalahan bahasa pelajar. Huraian terperinci mengenai kesalahan-kesalahan ini terdapat dalam bab 4.

6.3.1 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Jantina

Latar belakang jantina responden dijadikan satu ciri dalam kajian ini. Perbezaan jumlah kesalahan responden mengikut jantina ditunjukkan dalam jadual 6.14.

Jadual 6.14: Kekerapan kesalahan sintaksis mengikut jantina responden.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>Lelaki (n=239)</i>		<i>Perempuan (n=161)</i>		<i>Jumlah (n=400)</i>	
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>
S1(Struktur Ayat Aktif)	146	41.48	81	23.01	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	19	5.40	8	2.27	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	7	1.99	6	1.70	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	4	1.14	5	1.42	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	38	10.80	24	6.82	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	10	2.84	4	1.14	14	3.98
Jumlah	224	63.64	128	36.36	352	100.00

Jadual 6.14 menunjukkan kekerapan kesalahan sintaksis mengikut jantina. Secara keseluruhan kedua-dua jantina melakukan sebanyak 352 kesalahan sintaksis.

Didapati bahawa pelajar lelaki melakukan lebih banyak kesalahan sintaksis berbanding pelajar perempuan. Pelajar lelaki melakukan sebanyak 224 (63.64 peratus) kesalahan, manakala pelajar perempuan pula melakukan sebanyak 128 (36.36 peratus).

Pelajar lelaki melakukan bilangan kesalahan yang lebih banyak dalam lima aspek sintaksis, iaitu S1 (41.48 peratus), S2 (5.40 peratus), S3 (1.99 peratus), S5

(10.80 peratus), dan S6 (2.84 peratus). Ini diikuti oleh pelajar perempuan. Bilangan kesalahan mereka bagi aspek-aspek tersebut ialah S1 (23.01 peratus), S2 (2.27 peratus), S3 (1.70 peratus), S5 (6.82 peratus), dan S6 (1.14 peratus).

Aspek S4 menampakkan yang pelajar perempuan melakukan lebih banyak kesalahan daripada pelajar lelaki. Pelajar perempuan melakukan sebanyak 1.42 peratus kesalahan, manakala pelajar lelaki pula melakukan sebanyak 1.14 peratus sahaja.

6.3.2 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Status Sosioekonomi Keluarga

Kajian ini mendapati bahawa pelajar dari status sosioekonomi keluarga tinggi melakukan lebih banyak kesalahan sintaksis jika dibandingkan dengan pelajar dari status sosioekonomi keluarga rendah. Gambaran yang lebih jelas tentang keadaan ini terdapat dalam jadual 6.15.

Jadual 6.15: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar menurut status sosioekonomi keluarga tinggi (SSEKT) dan sosioekonomi keluarga rendah (SSEKR).

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>SSEKT (n=323) Kekerapan</i>		<i>SSEKR (n=77) Kekerapan</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
		<i>%</i>		<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	198	56.25	29	8.24	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	23	6.53	4	1.14	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	7	1.99	6	1.70	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	7	1.99	2	0.57	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	52	14.77	10	2.84	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	13	3.69	1	0.28	14	3.98
Jumlah	300	85.23	52	14.77	352	100.00

Jadual 6.15 memaparkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar menurut status sosioekonomi keluarga tinggi dan status sosioekonomi keluarga rendah. Pelajar daripada kedua-dua status sosioekonomi ini melakukan sebanyak 352 kesalahan sintaksis. Kelihatan pelajar daripada status sosioekonomi tinggi melakukan jauh lebih banyak kesalahan, iaitu sebanyak 300 (85.23 peratus) berbanding dengan pelajar daripada status sosioekonomi rendah yang hanya melakukan sebanyak 52 (14.77 peratus) kesalahan sahaja.

Pelajar daripada status sosioekonomi tinggi melakukan kesalahan yang lebih tinggi dalam kesemua aspek sintaksis, iaitu S1 (56.25 peratus), S2 (6.53 peratus), S3 (1.99 peratus), S4 (1.99 peratus), S5 (14.77 peratus), dan S6 (3.69 peratus).

Pelajar daripada status sosioekonomi rendah pula melakukan kesalahan yang lebih rendah dalam semua aspek sintaksis, iaitu S1 (8.24 peratus), S2 (1.14 peratus), S3 (1.70 peratus), S4 (0.57 peratus), S5 (2.84 peratus), dan S6 (0.28 peratus).

6.3.3 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Pencapaian Peperiksaan Bahasa Melayu

Pencapaian responden dalam peperiksaan bahasa Melayu yang diperoleh daripada peperiksaan pertengahan tahun di sekolah menunjukkan gambaran yang signifikan antara kumpulan pelajar yang mencapai tahap cemerlang, kepujian dan lulus. Jadual 6.16 menunjukkan perbezaan tersebut.

Jadual 6.16: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang (PPBMC), kepujian (PPBMK) dan lulus (PPBML) dalam peperiksaan bahasa Melayu.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>PPBMC (n=75)</i>		<i>PPBMK (n=178)</i>		<i>PPBML (n=136)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	24	6.82	82	23.30	121	34.38	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	6	1.70	11	3.13	10	2.84	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	4	1.14	5	1.42	4	1.14	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	1	0.28	1	0.28	7	1.99	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	9	2.57	32	9.09	21	5.97	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	3	0.85	5	1.42	6	1.70	14	3.98
Jumlah	47	13.35	136	38.64	169	48.01	352	100.00

Jadual 6.16 menunjukkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang, pencapaian kepujian dan pencapaian lulus dalam peperiksaan pertengahan tahun bahasa Melayu. Jumlah kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar ini ialah sebanyak 352.

Kajian ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang begitu signifikan antara ketiga-tiga kumpulan pelajar berkenaan seperti yang dijangkakan. Pelajar yang memperoleh pencapaian cemerlang dalam peperiksaan pertengahan tahun di sekolah melakukan kesalahan sintaksis yang terendah, iaitu

sebanyak 47 (13.35 peratus), manakala pelajar yang mendapat pencapaian kepujian melakukan lebih banyak kesalahan, iaitu sebanyak 136 (38.64 peratus), dan pelajar yang mencapai tahap lulus pula melakukan kesalahan yang tertinggi, iaitu sebanyak 169 atau 48.01 peratus.

Jumlah kesalahan yang tertinggi dilakukan oleh pelajar yang mendapat pencapaian lulus ialah dalam aspek S1 (34.38 peratus), S4 (1.99 peratus), dan S6 (1.70 peratus). Jumlah kesalahan yang sederhana bagi aspek tersebut dilakukan oleh pelajar yang mencapai tahap kepujian, iaitu S1 (23.30 peratus), dan S6 (1.42 peratus). Aspek S4 menunjukkan pelajar yang mencapai tahap kepujian dan tahap cemerlang melakukan jumlah kesalahan yang sama banyak, iaitu masing-masing sebanyak 0.28 peratus. Pelajar yang memperoleh tahap cemerlang melakukan kesalahan yang terendah bagi aspek S1, dan S6, iaitu masing-masing sebanyak 6.82 peratus dan 0.85 peratus.

Kesalahan terbanyak yang dilakukan oleh pelajar yang memperoleh pangkat kepujian ialah dalam aspek S2 (3.13 peratus), S3 (1.42 peratus), dan S5 (9.09 peratus). Dua daripada aspek ini menunjukkan bahawa pelajar yang mencapai tahap lulus melakukan kesalahan yang sederhana bilangannya, iaitu S2 (2.84 peratus), dan S5 (5.97 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang mendapat pencapaian cemerlang yang hanya melakukan 1.70 peratus kesalahan bagi S2 dan 2.57 peratus kesalahan bagi S5. Aspek S3 menampakkan jumlah kesalahan yang sama banyak antara yang mencapai tahap lulus dan tahap cemerlang, iaitu sebanyak 1.14 peratus.

6.3.4 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Aliran Akademik

Rata-rata didapati bahawa dalam kajian ini, pelajar aliran perdagangan melakukan lebih banyak kesalahan sintaksis berbanding dengan pelajar aliran sains. Maklumat lanjut tentang hal ini boleh dirujuk daripada jadual 6.17.

Jadual 6.17: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar aliran sains dan aliran perdagangan.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>Aliran Sains (n=183)</i>		<i>Aliran Perdagangan (n=217)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	82	23.30	145	41.19	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	12	3.41	15	4.26	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	9	2.56	4	1.14	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	3	0.85	6	1.70	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	25	7.10	37	10.51	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	4	1.14	10	2.84	14	3.98
Jumlah	135	38.35	217	61.65	352	100.00

Jumlah 6.17 menunjukkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar aliran sains dan aliran perdagangan. Secara keseluruhan, kelihatan bahawa pelajar aliran perdagangan melakukan lebih banyak kesalahan sintaksis berbanding pelajar daripada aliran sains. Pelajar aliran perdagangan melakukan sebanyak 217 (61.65

peratus) kesalahan, manakala pelajar aliran sains pula melakukan sebanyak 135 (38.35 peratus) kesalahan. Aspek ini memang dijangkakan.

Secara bandingan, pelajar aliran perdagangan melakukan kesalahan yang lebih banyak dalam hampir semua aspek sintaksis, iaitu S1 (41.19 peratus), S2 (4.26 peratus), S4 (1.70 peratus), S5 (10.51 peratus), dan S6 (2.84 peratus). Ini diikuti oleh pelajar aliran sains. Jumlah kesalahan bagi aspek yang sama ialah S1 (23.30 peratus), S2 (3.41 peratus), S4 (0.85 peratus), S5 (7.10 peratus), dan S6 (1.14 peratus).

Satu sahaja aspek sintaksis yang menampakkan bahawa pelajar aliran sains melakukan lebih banyak kesalahan, iaitu S3. Aspek ini menunjukkan yang pelajar aliran sains melakukan kesalahan sebanyak 2.56 peratus, manakala pelajar aliran perdagangan melakukan kesalahan sebanyak 1.14 peratus.

6.3.5 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Penggunaan Bahasa Melayu dengan Rakan di Sekolah

Seringkali pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu akan dapat menguasai bahasa itu dengan lebih baik. Pecahan jumlah kesalahan sintaksis pelajar dalam hal ini dapat dilihat pada jadual 6.18.

Jadual 6.18: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tidak pernah (TPBBMRS), kadang-kadang (KKBBMRS) dan selalu (SBBMRS) bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>TPBBMRS (n=176)</i>		<i>KKBBMRS (n=219)</i>		<i>SBBMRS (n=5)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	112	31.82	113	32.10	2	0.57	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	10	2.84	17	4.83	0	0.00	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	4	1.14	9	2.57	0	0.00	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	7	1.99	2	0.57	0	0.00	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	26	7.39	36	10.23	0	0.00	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	4	1.14	10	2.84	0	0.00	14	3.98
Jumlah	163	46.31	187	53.13	2	0.57	352	100.00

Jadual 6.18 memaparkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tidak pernah berbahasa Melayu dengan rakan di sekolah, kadang-kadang berbahasa Melayu dengan rakan di sekolah dan selalu berbahasa Melayu dengan rakan di sekolah. Keseluruhan jumlah kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar ini ialah sebanyak 352.

Ternyata pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan kesalahan yang paling rendah, iaitu 2 atau 0.57 peratus sahaja. Pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan kesalahan yang paling banyak, iaitu 187 atau 53.13 peratus, manakala pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan sebanyak 163 (46.31 peratus) kesalahan.

Pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan kesalahan yang paling tinggi dalam hampir kesemua aspek sintaksis, iaitu S1 (32.10 peratus), S2 (4.83 peratus), S3 (2.57 peratus), S5 (10.23 peratus), dan S6 (2.84 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah, iaitu S1 (31.82 peratus), S2 (2.84 peratus), S3 (1.14 peratus), S5 (7.39 peratus), dan S6 (1.14 peratus). Aspek S4 menampakkan bahawa pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah melakukan kesalahan yang lebih banyak, iaitu 1.99 peratus berbanding pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah yang hanya melakukan 0.57 peratus kesalahan.

Pelajar daripada kumpulan yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di sekolah tidak melakukan sebarang kesalahan sintaksis kecuali dalam aspek S1, iaitu sebanyak 0.57 peratus.

6.3.6 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Penggunaan Bahasa Melayu dengan Rakan di Luar Sekolah

Seperti halnya dengan kesalahan morfologi, faktor penggunaan bahasa dengan rakan di luar sekolah meninggalkan kesan ke atas penguasaan sintaksis bahasa Melayu responden. Perhatikan jadual 6.19 berikut.

Jadual 6.19: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tidak pernah (TPBBMRLS), kadang-kadang (KKBBMRLS) dan selalu (SBBMRLS) bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>TPBBMRLS (n=123)</i>		<i>KKBBMRLS (n=266)</i>		<i>SBBMRLS (n=11)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	70	19.89	151	42.90	6	1.70	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	5	1.42	22	6.25	0	0.00	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	4	1.14	7	1.99	2	0.57	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	4	1.14	5	1.42	0	0.00	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	19	5.40	42	11.93	1	0.28	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	6	1.70	7	1.99	1	0.28	14	3.98
Jumlah	108	30.68	234	66.48	10	2.84	352	100.00

Jadual 6.19 menunjukkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah, kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah dan selalu

bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah. Jumlah kesalahan sintaksis bagi ketiga-tiga kumpulan pelajar ini ialah sebanyak 352.

Secara keseluruhan pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah melakukan kesalahan yang minimum, iaitu sebanyak 10 atau 2.84 peratus. Walau bagaimanapun, pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah melakukan bilangan kesalahan yang tertinggi, iaitu sebanyak 234 atau 66.48 peratus. Ini diikuti oleh pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah, melakukan sebanyak 108 (30.68 peratus) kesalahan.

Secara terperinci, dapat dilihat bahawa pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah melakukan bilangan kesalahan yang tertinggi dalam semua aspek sintaksis, iaitu S1 (42.90 peratus), S2 (6.25 peratus), S3 (1.99 peratus), S4 (1.42 peratus), S5 (11.93 peratus), dan S6 (1.99 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah, iaitu S1 (19.89 peratus), S2 (1.42 peratus), S3 (1.14 peratus), S4 (1.14 peratus), S5 (5.40 peratus), dan S6 (1.70 peratus).

Pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan rakan di luar sekolah melakukan sama ada kesalahan yang paling rendah atau tidak melakukan sebarang kesalahan. Bilangan kesalahan pelajar daripada kumpulan ini ialah S1 (1.70 peratus), S3 (0.57 peratus), S5 (0.28 peratus, dan S6 (0.28 peratus). Mereka tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek S2 dan S4.

6.3.7 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Penggunaan Bahasa Melayu dengan Keluarga

Keluarga yang menggunakan bahasa Melayu untuk berhubung di rumah lazimnya terdiri daripada golongan “bapa dan nyonya” ataupun golongan yang ibu bapa mereka amat prihatin untuk memperbaiki penguasaan bahasa Melayu anak mereka. Kajian ini telah membuktikan bahawa pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga dapat menguasai bahasa tersebut dengan lebih baik. Jadual 6.20 menunjukkan kenyataan ini.

Jadual 6.20: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tidak pernah (TPBBMK), kadang-kadang (KKBBMK) dan selalu (SBBMK) bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>TPBBMK (n=250)</i>		<i>KKBBMK (n=138)</i>		<i>SBBMK (n=12)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	172	48.86	49	13.92	6	1.70	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	18	5.11	9	2.56	0	0.00	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	10	2.84	1	0.28	2	0.57	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	4	1.14	5	1.45	0	0.00	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	44	12.50	17	4.83	1	0.28	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	9	2.56	2	0.57	3	0.85	14	3.98
Jumlah	257	73.01	83	23.58	12	3.41	352	100.00

Jadual 6.20 memaparkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga, kadang-kadang bertutur bahasa Melayu dengan keluarga dan selalu bertutur bahasa Melayu dengan keluarga. Jumlah kesalahan sintaksis bagi ketiga-tiga kumpulan ini ialah sebanyak 352.

Kajian ini jelas menunjukkan perbezaan yang begitu signifikan bagi ketiga-tiga kumpulan pelajar yang berkenaan. Pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan bilangan kesalahan yang amat rendah, iaitu sebanyak 12 atau 3.41 peratus, manakala pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan bilangan kesalahan yang agak sederhana, iaitu sebanyak 83 atau 23.58 peratus. Pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan bilangan kesalahan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 257 atau 73.01 peratus. Jelaslah penggunaan bahasa di rumah memainkan peranan yang amat besar dalam menentukan penguasaan bahasa seseorang.

Pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan kesalahan bahasa yang paling tinggi hampir dalam semua aspek sintaksis, iaitu S1 (48.86 peratus), S2 (5.11 peratus), S3 (2.84 peratus), S5 (12.50 peratus), dan S6 (2.56 peratus). Pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu melakukan kesalahan yang kedua banyak bagi tiga aspek yang sama, iaitu S1 (13.92 peratus), S2 (2.56 peratus), dan S5 (4.83 peratus). Bagi ketiga-tiga aspek ini juga, pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu

dengan keluarga melakukan hanya 1.70 peratus kesalahan bagi S1, dan 0.28 kesalahan bagi S5 serta tidak melakukan sebarang kesalahan bagi S2.

Aspek S3 dan S6 menampakkan bilangan kesalahan yang sederhana banyak dilakukan oleh pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga dengan masing-masing sebanyak 0.57 peratus dan 0.85 peratus dan diikuti oleh pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga, iaitu S3 (0.28 peratus) dan S6 (0.57 peratus).

Aspek S4 pula menunjukkan bahawa pelajar yang kadang-kadang bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga melakukan bilangan kesalahan yang tertinggi, iaitu sebanyak 1.45 peratus dan diikuti oleh pelajar yang tidak pernah bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga, iaitu sebanyak 1.14 peratus. Pelajar yang selalu bertutur dalam bahasa Melayu dengan keluarga tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek S4.

6.3.8 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Minat Belajar Bahasa Melayu

Bahagian ini membahagikan responden mengikut tiga kumpulan, iaitu mereka yang paling berminat terhadap bahasa Melayu, yang sekadar berminat sahaja terhadap bahasa Melayu dan yang tidak berminat terhadap bahasa Melayu. Seperti yang dijangkakan, pelajar yang amat meminati mata pelajaran Bahasa Melayu membuat jumlah kesalahan yang amat kecil. Tetapi perbezaan antara kumpulan pelajar yang tidak meminati bahasa Melayu dengan yang sekadar meminati mata pelajaran tersebut tidak ada. Bahkan kumpulan yang sekadar

meminati mata pelajaran ini membuat kesalahan yang lebih banyak. Gambaran lanjut tentang pembahagian tersebut terdapat dalam jadual 6.21.

Jadual 6.21: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang paling minat (PMBBM), minat (MBBM) dan tidak minat (TMBBM) belajar bahasa Melayu.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>PMBBM (n=16)</i>		<i>MBBM (n=247)</i>		<i>TMBBM (n=137)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	12	3.41	109	30.97	106	30.11	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	1	0.28	18	5.11	8	2.27	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	0	0.00	10	2.84	3	0.85	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	0	0.00	5	1.42	4	1.14	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	2	0.57	33	9.38	27	7.67	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	0	0.00	8	2.27	6	1.70	14	3.98
Jumlah	15	4.26	183	51.99	154	43.75	352	100.00

Jadual 6.21 menunjukkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang paling minat belajar bahasa Melayu, minat belajar bahasa Melayu dan tidak minat belajar bahasa Melayu. Jumlah kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan ini ialah sebanyak 325.

Melalui jadual ini, didapati bahawa pelajar yang paling minat belajar bahasa Melayu melakukan kesalahan yang paling rendah, iaitu sebanyak 15 atau 4.26 peratus. Pelajar yang sekadar minat belajar bahasa Melayu melakukan sebanyak 183 (51.99 peratus) kesalahan, manakala mereka yang tidak minat belajar bahasa Melayu pula melakukan sebanyak 154 (43.75 peratus) kesalahan.

Secara keseluruhan, pelajar yang sekadar minat belajar bahasa Melayu melakukan kesalahan yang paling tinggi bagi kesemua aspek morfologi, iaitu S1 (30.91 peratus), S2 (5.11 peratus), S3 (2.84 peratus), S4 (1.42 peratus), S5 (9.38 peratus), dan S6 (2.27 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tidak minat belajar bahasa Melayu, iaitu S1 (30.11 peratus), S2 (2.27 peratus), S3 (0.85 peratus), S4 (1.14 peratus), S5 (7.67 peratus), dan S6 (1.70 peratus).

Pelajar yang paling minat belajar bahasa Melayu melakukan kesalahan yang paling rendah bagi kesemua aspek sintaksis, iaitu S1 (3.41peratus), S2 (0.28 peratus), S5 (0.57 peratus). Mereka tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek S3, S4, dan S6.

6.3.9 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Minat Membaca dan Mendengar Puisi

Seperti juga dalam aspek morfologi, faktor minat membaca dan mendengar puisi mempengaruhi penguasaan sintaksis bahasa Melayu responden. Jadual 6.22 memberi gambaran yang lebih jelas.

Jadual 6.22: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang minat (MMMP) dan tidak minat (TMMMP) membaca dan mendengar puisi.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>MMMP (n=64)</i>		<i>TMMMP (n=336)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	40	11.36	187	53.13	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	4	1.14	23	6.53	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	2	0.57	11	3.13	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	0	0.00	9	2.56	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	9	2.56	53	15.06	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	2	0.57	12	3.41	14	3.98
Jumlah	57	16.19	295	83.81	352	100.00

Jadual 6.22 menunjukkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang minat membaca dan mendengar puisi serta tidak minat membaca dan mendengar puisi. Keseluruhan bilangan kesalahan yang dilakukan oleh kedua-dua kumpulan pelajar ini ialah sebanyak 352.

Kajian terhadap perkara tersebut jelas menunjukkan signifikannya. Pelajar yang minat membaca dan mendengar puisi melakukan bilangan kesalahan yang rendah, iaitu sebanyak 57 atau 16.19 peratus, sementara pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar puisi melakukan paling banyak kesalahan sehingga 295 atau 83.81 peratus.

Pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar puisi melakukan kesalahan yang lebih tinggi dalam semua aspek sintaksis, iaitu S1 (53.13 peratus), S2 (6.53 peratus), S3 (3.13 peratus), S4 (2.56 peratus), S5 (15.06 peratus), dan S6 (3.41 peratus). Pelajar yang minat membaca dan mendengar puisi melakukan kesalahan yang rendah termasuklah bagi aspek S1 (11.36 peratus), S2 (1.14 peratus), S3 (0.57 peratus), S5 (2.56 peratus), dan S6 (0.57peratus). Pelajar daripada kumpulan ini tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek S4.

6.3.10 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Kekerapan Meminjam Buku Berbahasa Melayu dari Perpustakaan Sekolah dalam Sebulan

Faktor meminjam buku dari perpustakaan turut memberi kesan terhadap penguasaan sintaksis responden. Jadual 6.23 memberi gambaran ini.

Jadual 6.23: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tidak pernah (TPMBP), kadang-kadang (KMBP) dan selalu (SMBP) meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah dalam sebulan.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>TPMBP (n=267)</i>		<i>KMBP (n=127)</i>		<i>SMBP (n=6)</i>		<i>Jumlah</i>	
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	162	46.02	62	17.61	3	0.85	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	15	4.26	12	3.41	0	0.00	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	7	1.99	6	1.70	0	0.00	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	7	1.99	2	0.57	0	0.00	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	46	13.07	15	4.26	1	0.28	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	11	3.13	1	0.28	2	0.57	14	3.98
Jumlah	248	70.45	98	27.84	6	1.70	352	100.00

Jadual 6.23 menunjukkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tidak pernah meminjam buku berbahasa Melayu, kadang-kadang meminjam buku berbahasa Melayu dan selalu meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah. Jumlah kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan ini ialah sebanyak 352.

Membaca buku-buku dalam bahasa Melayu amat penting bagi mempertingkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu. Terbukti bahawa pelajar-pelajar yang selalu meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah paling rendah melakukan kesalahan sintaksis, iaitu sebanyak 6 (1.70 peratus). Pelajar yang kadang-kadang meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan kesalahan yang lebih banyak iaitu 98 (27.84 peratus). Pelajar yang tidak pernah meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan kesalahan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 248 atau 70.45 peratus.

Secara terperinci, jelas dapat dilihat bahawa pelajar yang tidak pernah meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan kesalahan paling tinggi bagi semua aspek sintaksis, iaitu S1 (46.02 peratus), S2 (4.26 peratus), S3 (1.99 peratus), S4 (1.99 peratus), S5 (13.07 peratus), dan S6 (3.13 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang kadang-kadang meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah, iaitu S1 (17.61 peratus), S2 (3.41 peratus), S3 (1.70 peratus), S4 (0.57 peratus), dan S5 (4.26 peratus). Bagi aspek S6, pelajar yang selalu meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan sekolah melakukan lebih satu kesalahan, iaitu sebanyak 0.57 peratus, sedangkan

pelajar yang kadang-kadang meminjam buku berbahasa Melayu dari perpustakaan melakukan sebanyak 0.28 peratus.

Pelajar yang selalu meminjam buku dari perpustakaan sekolah sama ada melakukan bilangan kesalahan yang terendah ataupun tidak melakukan sebarang kesalahan. Bilangan kesalahan yang terendah melibatkan aspek S1 (0.85 peratus), dan S5 (0.28 peratus). Pelajar dari kumpulan ini tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek S2, S3, dan S4.

6.3.11 Kesalahan Sintaksis Responden Mengikut Minat Membaca dan Mendengar Cerita

Kumpulan pelajar ini terbahagi kepada tiga, iaitu mereka yang paling minat membaca dan mendengar cerita, mereka yang minat membaca dan mendengar cerita, serta mereka yang tidak minat membaca dan mendengar cerita. Perbezaan dalam bilangan kesalahan sintaksis bagi ketiga-tiga kumpulan ini dapat dilihat daripada jadual 6.24.

Jadual 6.24: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang paling minat (PMMMC), minat (MMMC) dan tidak minat (TMMMC) membaca dan mendengar cerita.

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>PMMMC (n=10) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>MMMC (n=195) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>TMMMC (n=195) Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
S1(Struktur Ayat Aktif)	7	1.99	96	27.27	124	35.23	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	1	0.28	16	4.55	10	2.84	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	0	0.00	6	1.70	7	1.99	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	1	0.28	2	0.57	6	1.70	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	0	0.00	33	9.38	29	8.24	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	0	0.00	4	1.14	10	2.84	14	3.98
Jumlah	9	2.56	157	44.60	186	52.84	352	100.00

Jadual 6.24 memaparkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang paling minat membaca dan mendengar cerita, minat membaca dan mendengar cerita dan tidak minat membaca dan mendengar cerita. Jumlah kesalahan sintaksis yang dilakukan oleh ketiga-tiga kumpulan pelajar ini ialah sebanyak 352.

Jadual tersebut jelas menunjukkan perbezaan yang signifikan. Pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar cerita melakukan kesalahan sintaksis yang terbanyak, iaitu sebanyak 186 (52.84 peratus). Pelajar yang sekadar minat membaca dan mendengar cerita melakukan bilangan kesalahan yang sederhana,

iaitu sebanyak 157 atau 44.60 peratus, manakala pelajar yang paling minat membaca dan mendengar cerita pula melakukan kesalahan yang paling kurang, iaitu sebanyak 9 atau 2.56 peratus sahaja.

Pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar cerita melakukan bilangan kesalahan yang tertinggi dalam empat aspek sintaksis, iaitu S1 (35.23 peratus), S3 (1.99 peratus), S4 (1.70 peratus), dan S6 (2.84 peratus). Pelajar yang sekadar minat membaca dan mendengar cerita melakukan bilangan kesalahan yang sederhana bagi aspek yang sama, iaitu S1 (27.27 peratus), S3 (1.70 peratus), S4 (0.57 peratus), dan S6 (1.14 peratus). Mereka yang paling minat membaca dan mendengar cerita pula sama ada melakukan bilangan kesalahan yang paling rendah ataupun tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek-aspek tersebut, iaitu S1 (1.99 peratus), dan S4 (0.28 peratus). Pelajar yang berkenaan tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek S3 dan S6.

Pelajar yang minat membaca dan mendengar cerita melakukan paling banyak kesalahan dalam aspek S2 (4.55 peratus), dan S5 (9.38 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tidak minat membaca dan mendengar cerita, iaitu S2 (2.84 peratus), dan S5 (8.24 peratus). Seterusnya bilangan kesalahan yang terendah dilakukan oleh pelajar yang paling minat membaca dan mendengar cerita dengan kekerapan sebanyak 0.28 peratus bagi S2 dan tidak melakukan sebarang kesalahan bagi S5.

6.3.12 Kesalahan Sintaksis Responden Berdasarkan Persekitaran Tempat Tinggal

Turut menjadi perhatian ialah kawasan persekitaran tempat tinggal responden. Walau bagaimanapun, dapatan yang diperoleh tidak menepati jangkaan. Kelihatan bahawa responden yang tinggal dalam persekitaran kaum Cina semuanya mencatat kesalahan sintaksis yang paling rendah. Ini agak menghairankan. Jadual 6.25 menunjukkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tinggal di persekitaran yang berlainan.

Jadual 6.25: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua (KCS), majoriti kaum Cina (MKC) dan separuh kaum Cina, separuh kaum lain (SCSL).

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>KCS (n=92)</i>		<i>MKC (n=146)</i>		<i>SCSL (n=162)</i>		<i>Jumlah</i>	
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	56	15.91	92	26.14	79	22.44	227	64.49
S2(Struktur Ayat Pasif)	3	0.85	10	2.84	14	3.98	27	7.67
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	3	0.85	5	1.42	5	1.42	13	3.69
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	2	0.57	4	1.14	3	0.85	9	2.56
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	19	5.40	26	7.39	17	4.83	62	17.61
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	7	1.99	4	1.14	3	0.85	14	3.98
Jumlah	90	25.57	141	40.06	121	34.37	352	100.00

Jadual 6.25 menunjukkan kesalahan sintaksis pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua, yang majoritinya kaum Cina dan separuh kaum Cina dengan separuh kaum lain. Keseluruhan bilangan kesalahan sintaksis bagi ketiga-tiga kumpulan ini ialah sebanyak 352.

Daripada jadual tersebut, didapati pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina melakukan bilangan kesalahan yang tertinggi, iaitu sebanyak 141 (40.06 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina dan separuh kaum lain, iaitu dengan kekerapan kesalahan sebanyak 121 atau 34.37 peratus. Seterusnya jumlah kesalahan yang paling kurang pula dilakukan oleh pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua, iaitu sebanyak 90 atau 25.57 peratus.

Pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina melakukan kesalahan yang paling tinggi bagi tiga aspek sintaksis, iaitu S1 (26.14 peratus), S4 (1.14 peratus), dan S5 (7.39 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina, separuh kaum lain, iaitu S1 (22.44 peratus), S4 (0.85 peratus), dan S5 (4.83 peratus). Kedua-dua kumpulan pelajar tersebut melakukan bilangan kesalahan yang sama, iaitu 1.42 peratus bagi aspek S3. Pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina dan separuh kaum lain melakukan kesalahan yang lebih banyak bagi aspek S2, iaitu sebanyak 3.98 peratus, berbanding pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina yang hanya melakukan kesalahan sebanyak 2.84 peratus.

Pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua melakukan bilangan kesalahan yang terendah bagi lima aspek sintaksis, iaitu S1 (15.91), S2 (0.85 peratus), S3 (0.85 peratus), S4 (0.57 peratus), dan S5 (5.40 peratus). Aspek S6 menampakkan pelajar yang tinggal di persekitaran kaum Cina semua melakukan jumlah kesalahan yang tertinggi, iaitu sebanyak 1.99 peratus. Ini diikuti oleh pelajar yang tinggal di persekitaran majoriti kaum Cina, iaitu sebanyak 1.14 peratus. Pelajar yang tinggal di persekitaran separuh kaum Cina, separuh kaum lain melakukan jumlah kesalahan yang terendah bagi aspek tersebut, iaitu sebanyak 0.85 peratus.

6.3.13 Kesalahan Sintaksis Responden Berdasarkan Kawasan Tempat Tinggal

Kawasan tempat tinggal juga dijadikan satu kriteria dalam kajian ini. Tujuannya ialah untuk melihat bagaimana kawasan tempat tinggal berperanan menentukan bilangan kesalahan sintaksis responden. Jadual 6.26 menunjukkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar berkenaan.

Jadual 6.26: Kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tinggal di kawasan bandar (TB), luar bandar (TLB) dan Kampung Baharu (TKB).

<i>Jenis kesalahan</i>	<i>TB (n=250)</i>		<i>TLB (n=71)</i>		<i>TKB (n=79)</i>		<i>Jumlah</i>	<i>%</i>
	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>	<i>Kekerapan</i>	<i>%</i>		
S1(Struktur Ayat Aktif)	127	36.08	47	13.35	53	15.06	227	64.4
S2(Struktur Ayat Pasif)	20	5.68	3	0.85	4	1.14	27	7.6
S3(Struktur Ayat Terjemahan Bahasa Inggeris)	10	2.84	2	0.57	1	0.28	13	3.6
S4(Struktur Ayat Majmuk Gabungan)	8	2.27	0	0.00	1	0.28	9	2.5
S5(Struktur Ayat Majmuk Pancangan)	37	10.51	13	3.69	12	3.41	62	17.6
S6(Struktur Ayat Majmuk Campuran)	10	2.84	1	0.28	3	0.85	14	3.9
Jumlah	212	60.23	66	18.75	74	21.02	352	100.00

Jadual 6.26 menunjukkan kekerapan kesalahan sintaksis pelajar yang tinggal di kawasan bandar, di luar bandar dan di kampung baharu. Keseluruhan bilangan kesalahan sintaksis bagi ketiga-tiga kumpulan pelajar ini ialah sebanyak 352.

Pelajar yang tinggal di bandar melakukan kesalahan yang paling tinggi, iaitu sebanyak 212 (60.23 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tinggal di kampung baharu dengan kekerapan kesalahan sebanyak 74 (21.02 peratus). Bilangan kesalahan yang terendah, iaitu sebanyak 66 atau 18.75 peratus di lakukan oleh pelajar yang tinggal di luar bandar.

Pelajar yang tinggal di bandar melakukan kesalahan yang paling tinggi bagi semua aspek sintaksis, iaitu S1 (36.08 peratus), S2 (5.68 peratus), S3 (2.84 peratus), S4 (2.27 peratus), S5 (10.51 peratus), dan S6 (2.84 peratus). Pelajar yang tinggal di kawasan kampung baharu melakukan bilangan kesalahan yang sederhana bagi empat aspek sintaksis, iaitu S1 (15.06 peratus), S2 (1.14 peratus), S4 (0.28 peratus), dan S6 (0.85 peratus). Ini diikuti oleh pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar, iaitu S1 (13.35 peratus), S2 (0.85 peratus), dan S6 (0.28 peratus). Pelajar daripada kumpulan ini tidak melakukan sebarang kesalahan bagi aspek S4.

Aspek S3 dan S5 menampakkan fakta bahawa pelajar yang tinggal di kawasan luar bandar melakukan lebih banyak kesalahan berbanding dengan pelajar yang tinggal di kawasan kampung baharu. Jumlah kesalahan pelajar yang tinggal di luar bandar bagi S3 ialah sebanyak 0.57 peratus dan S5 sebanyak 3.69 peratus. Pelajar yang tinggal di kampung baharu pula melakukan kesalahan masing-masing sebanyak 0.28 peratus (S3) dan 3.41 peratus (S5).

6.4 Penutup

Dalam bab ini telah dibincangkan kesalahan-kesalahan morfologi dan sintaksis yang dibuat oleh responden. Seperti dengan kesalahan ejaan, kesalahan morfologi dan sintaksis ini dikaitkan dengan faktor-faktor latar belakang responden untuk mencari sama ada wujud perkaitan atau tidak. Analisis ini juga bertujuan untuk melihat pencapaian bahasa Melayu responden dalam konteks latar belakang masing-masing.